

D767

U B463 BAH  
MAHATHIR - PENTADBIR

GENTING HIGHLANDS, 22 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN PARA PEGAWAI PENTADBIRAN DALAM KERAJAAN BERSIKAP TERBUKA KEPADA PEMBAHARUAN KHUSUS BAGI MENGHADAPI CABARAN-CABARAN DALAM DEKAD 90AN.

PERDANA MENTERI BERKATA, PARA PEGAWAI ITU PERLU MENGIKIS AMALAN-AMALAN TRADISI YANG MEMANDANG RINGAN TERHADAP PEMBAHARUAN, TETAPI SEBALIKNYA MELAKSANAKAN USAHA-USAHA UNTUK MENJAYAKAN PEMBAHARUAN-PEMBAHARUAN ITU.

INGATAN ITU DIBERIKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM UCAPAN UTAMANYA PADA SATU PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN SERAMAI 97 ORANG PEGAWAI TINGGI KERAJAAN DI SEBUAH HOTEL DI SINI.

KETIKA MEMBERIKAN BUTIR-BUTIR UCAPANNYA PADA SATU PERSIDANGAN AKHBAR, BELIAU BERKATA, PERUBAHAN-PERUBAHAN DALAM PERTADBIRAN PERLU BAGI MENJAMIN PEMBANGUNAN NEGARA YANG LANCAR DAN BERTERUSAN.

KATANYA, PARA PEGAWAI PENTADBIRAN PERLU MENGAMALKAN PENDEKATAN POSITIF TERHADAP PEMBAHARUAN DENGAN MENERIMA PEMBAHARUAN DAN MENJADIKAN IA PRAKTIKAL. -- LAGI.

1338MST 22 03 90

D772

U B466 BAH  
MAHATHIR - PENTADBIR 2 GENTING HIGHLANDS

+DARIPADA MENOLAK CADANGAN-CADANGAN PEMBAHARUAN, MEREKA HARUS USAHAKAN SUPAYA PEMBAHARUAN-PEMBAHARUAN ITU DAPAT DILAKSANAKAN,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI MEMBERIKAN CONTOH MENGENAI LANGKAH KERAJAAN MENGHAPUSKAN CUKAI IMPORT KE ATAS BARANG-BARANG ELEKTRONIK, JAM DAN PEN, YANG MENURUTNYA, TELAH MENGHASILKAN PENDAPATAN YANG BESAR KEPADA KERAJAAN.

KATANYA, DULU KERAJAAN MERASAKAN PENDAPATAN DAPAT DITAMBAH DENGAN MENAIKKAN CUKAI ATAUPUN MENGADAKAN CUKAI-CUKAI BARU, TETAPI PENGHAPUSAN CUKAI IMPORT TERHADAP BARANG-BARANGAN ITU TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA LANGKAH TERBARU ITU LEBIH MENGUNTUNGKAN.

BELIAU BERKATA, PENGHAPUSAN CUKAI ITU TELAH MENINGKATKAN PENJUALAN BARANGAN-BARANGAN ITU TERMASUK PEMBELIAN OLEH PARA PELANCONG ASING, DAN KERAJAAN MENGUTIP PENDAPATAN YANG TINGGI DARIPADA CUKAI KORPORAT.

SESUAI DENGAN CABARAN-CABARAN DEKAD 90AN, DATUK SERI DR MAHATHIR MAHUKAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN BERPERANAN SEBAGAI AGEN UNTUK PERTUMBUHAN NEGARA DENGAN MATLAMAT MUTAKHIR UNTUK MENJADI NEGARA INI MAJU. -- LAGI.

1355MST 22 03 90

D784

U B475 BAH  
MAHATHIR - PENTADBIR 3 GENTING HIGHLANDS

PERDANA MENTERI BERKATA, PEGANGAN POSITIF TERHADAP PEMBAHARUAN. ADALAH PENTING BAGI MELAKSANAKAN DASAR-DASAR PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN PENSWASTAAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN.

MENURUTNYA LAGI, SIKAP TERBUKA KEPADA PERUBAHAN ITU JUGA PENTING BAGI MENJAMIN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA, YANG KINI SEDANG MENINGKAT, TIDAK TERJEJAS.

SEMASA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN PERTADBIRAN SEKARANG BOLEH DIANGGAP BAIK, MUTUNYA MESTI DIPERTINGKATKAN SUPAYA IA LEBIH CEKAP.

PADA MAJLIS DIALOG ANTARA KERAJAAN DENGAN PARA PEGAWAI TINGGINYA ITU, PERDANA MENTERI AKAN MENJELASKAN MENGENAI DASAR-DASAR KERAJAAN DAN PANDANGANNYA TERHADAP CABARAN DALAM DEKAD 90AN.

MAJLIS SATU HARI, YANG DIANJURKAN OLEH JABATAN PERDANA MENTERI ITU, JUGA BERTUJUAN UNTUK MEMBERI KESEMPATAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN PARA PEGAWAI BERKENAAN BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN MENGENAI ISU-ISU SEMASA. -- BERNAMA.

1418MST 22 03 90